

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 12 JUN 2022

KERATAN AKHBAR

## Masalah air di Selangor seperti tiada kesudahan - Noh Omar



Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar (tengah) menyampaikan sumbangan kepada bakal haji pada majlis penyampaian sumbangan bakal haji Parlimen Tanjung Karang di Pejabat UMNO Bahagian Tanjung Karang, hari ini. NSTP/AMIRUL AIMAN HAMSUDDIN

TANJONG KARANG: Kerajaan negeri harus mengambil pendekatan jangka pendek dan panjang dalam menyelesaikan masalah pencemaran di Selangor hingga menyebabkan bekalan air kerap kali terputus.

Pengerusi Perhubungan UMNO Selangor, Tan Sri Noh Omar, berkata tindakan segera perlu bagi mengelakkan rakyat terus dibebani dengan masalah itu.

"Isu terputus bekalan air sudah jadi kebiasaan kerana apabila sebut sahaja Selangor, ia bukan dianggap sebagai negeri maju tetapi seperti berpisah tiada," katanya.

Beliau merangkap Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) berkata demikian ketika ditemui selepas majlis penyampaian sumbangan bakal haji Parlimen Tanjung Karang di Pejabat UMNO Bahagian Tanjung Karang, di sini.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjung Karang berkata, setiap tahun masalah gangguan bekalan air yang berlaku di Selangor seakan-akan tiada pengakhirannya.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR  
(UNIT KORPORAT)

---

Katanya, aktiviti pencemaran tetap berlaku walaupun kerajaan negeri mengambil pelbagai pendekatan, termasuk menggunakan dron berteknologi tinggi.

"Kalau belanja menggunakan dron berjuta ringgit sekali pun tetapi masih berlaku pencemaran dan menyebabkan bekalan air terganggu, ia tidak memberi apa-apa faedah kepada kerajaan negeri.

"Sebenarnya rakyat hendak melihat hasil munasabah daripada peruntukan yang dibelanjakan bagi menangani isu pencemaran," katanya.

Media sebelum ini melaporkan berlalu insiden pencemaran sungai yang dikesan di River Monitoring Station (RMS) Seksyen 3, Bangi pada Khamis lalu.

Sehari kemudian, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) pula menerima laporan berhubung insiden air berwarna putih dan bau seakan-akan klorin dikesan di Sungai Langat, pada petang Jumaat.